

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

## Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Asia Managed Fund is an actively managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing directly in shares, fixed interest securities and money market instruments in the Asia Pacific ex Japan region and through any other PRULink global funds that may become available in the future or indirectly via sub-funds managed by Eastspring Investments (Singapore) Limited or any other fund manager to be determined from time to time.


PRULink Asia Managed Fund乃是一项积极管理的基金，其目标为在中至长期内赚取最高的回报。为达成此目标，本基金直接投资于亚太区(日本除外)的股票，固定收益证券和货币市场工具，以及通过其他在未来推介的PRULink global funds作出上述投资，或间接通过由瀚亚投资(新加坡)有限公司或其他在任何时候决定的基金经理所管理的子基金作出投资。

PRULink Asia Managed Fund adalah dana yang diuruskan secara aktif dan berusaha memaksimumkan pendapatan dalam jangka masa sederhana ke panjang. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrument pasaran kewangan di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun dan melalui mana-mana dana PRULink global yang mungkin disediakan pada masa depan atau secara tidak langsung melalui sub-dana yang diurus oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited atau mana-mana pengurus dana lain yang ditentukan dari masa ke semasa.

## Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan	Eastspring Investments Berhad 瀚亚投资有限公司
Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan	30/11/2005
Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini	RM230,390,307.17
Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.35%
Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini	RM2.06222

## How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana



## Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	1.35%	2.17%	-1.99%	4.33%	-6.44%	15.29%	106.22%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	1.82%	3.99%	1.70%	11.09%	-2.57%	32.00%	260.40%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-0.47%	-1.82%	-3.69%	-6.76%	-3.87%	-16.71%	-154.18%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 31 December 2023

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari [www.msci.com](http://www.msci.com) and [www.jpmorganindices.com/indices/listing](http://www.jpmorganindices.com/indices/listing)

## Where the Fund invests / 基金投资所在 / Komposisi Pelaburan Dana

### Asset Allocation / 资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 Asia Pacific Ex-Japan Target Return Fund	36.25
2 JPMorgan Funds - Asia Growth Fund	36.12
3 Eastspring Investments - Asian Bond Fund	26.69
4 Cash, Deposits & Others	0.94

### Asia Pacific ex-Japan Target Return Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	18.27
2 Korea / 韩国	14.82
3 Singapore / 新加坡	13.03
4 Malaysia / 马来西亚	10.59
5 Taiwan / 台湾	10.40

### Eastspring Asian Bond Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	30.80
2 India / 印度	11.90
3 Indonesia / 印尼	11.90
4 Others / 其他	11.20
5 Hong Kong / 香港	10.10

### JPMorgan Funds - Asia Growth A (acc) USD Country Allocation / 国家分析 / Peruntukan Negara

	% NAV
1 China / 中国	26.30
2 India / 印度	21.10
3 Taiwan / 台湾	18.50
4 Korea / 韩国	13.70
5 Hong Kong / 香港	9.60

### Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Samsung Electronics Co., Limited	5.15
2 Sk Hynix Inc.	3.61
3 Sats Limited	3.44
4 CSL Limited	2.99
5 Taiwan Semiconductor Manufacturing Co., Limited	2.23

### Eastspring Asian Bond Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 United States Treasury Bill 11-Apr-2024	0.90
2 United States Treasury Bill 18-Apr-2024	0.60
3 Central Plaza Development Ltd	0.50
4 China Resources Land Ltd	0.50
5 Diamond II Ltd	0.50

### JPMorgan Funds - Asia Growth A (acc) USD Top 5 Holdings / 5大持股 / 5 Pegangan Teratas

	%
1 Taiwan Semiconductor	9.80
2 Samsung Electronics	9.00
3 Tencent	6.20
4 HDFC Bank	4.20
5 AIA	4.00

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

## Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

### Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

#### Equity / 股票市场 / Ekuiti

##### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Most markets ended the month of December with positive returns, with the exception of China, which posted a loss for the third consecutive year. The positive finish to 2023 was on the back of the US economy's resilience and a slower inflationary pace. December's FOMC also saw the Fed lay the groundwork for a pivot in 2024, and the members also voted unanimously in the December meeting to keep rates unchanged for three consecutive meetings. Consensus is now forecasting rate cuts to happen as early as in Mar 24. Markets that outperformed on a MoM basis in December were Australia (strength in iron ore prices boosted Materials and AUD), India (favourable state election results) and Singapore (led by Reits, Gaming and Telco).

China continued to underperform following persistent concerns over property risks and a lack of major stimulus to boost the overall economy. During the month, the gaming companies plunged following a surprise draft regulation, which spook investors of continued regulatory crackdowns on the sector again. The DXY index eased by another 2.1% in Dec following expectations of rate cuts in the US and oil price also declined by 7% on weak global demand, robust shale growth and a passive OPEC despite geopolitical tensions in the Middle East. Foreign flows tracked by Bloomberg showed India led the inflow of USD6.7b, followed by Taiwan (USD5.4b) and Korea (USD3.6b).

##### JP Morgan Asia Growth Fund

Asia equities ended December in positive territory. During the month, a surprise from the Fed led to a scenario where rate cuts are expected to be sooner. The 10-year US treasury yield ended lower, and the US dollar depreciated. All markets delivered positive returns apart from China, where shares fell due to investor concerns over weaker economic growth. The ongoing real estate crisis and uncertainty over China's regulatory regime also weakened sentiment towards Chinese stocks. On the other hand, India, Korea and Taiwan appreciated the most. India was up on favourable state election results towards PM Modi. In Taiwan and South Korea, technology stocks and chipmakers gained as investor enthusiasm over artificial intelligence continued to accelerate.

##### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

除了已连续第三年走低的中国，大多数市场以正回报结束12月份和2023年的交易，归功于美国经济的韧性和通胀步伐放缓。12月的联邦公开市场委员会（FOMC）也为美联储在2024年的政策转向奠定了基调，成员们在12月的会议上一致同意连续三次会议维持利率不变。目前的一般预测是美联储最早将于3月24日降息。12月按月表现优于大盘的市场包括澳洲（铁矿石价格走强提振了原材料和澳元）、印度（有利的州选举结果）和新加坡（由房地产投资信托基金（Reits）、博彩和电信领涨）。

中国继续表现逊色，归咎于房地产风险的持续担忧以及缺乏提振整体经济的重大举措。检讨月份下，中国游戏行业监管新规草案重新引燃市场对新一轮行业整顿的担忧，游戏公司闻风挫低。在美国降息预期以及油价走低下，美元指数（DXY）12月再次下滑2.1%。油价在全球需求疲软、页岩油增长强劲以及尽管中东地缘政治紧张，OPEC态度消极影响下走低了7%。彭博社追踪的外资流向数据显示，印度成为最大赢家，吸引了67亿美元的资金流入；其次是台湾（54亿美元）和韩国（36亿美元）。

##### JP Morgan Asia Growth Fund

亚洲股市12月上涨姿态收盘。月内，美联储令人惊讶的基调引发了该局将更早降息的预期。10年期美国国债收益率收低，美元贬值。除中国以外，所有市场都取得了正收益；中国股市下跌主要归咎于投资者对经济增长疲软的担忧。此外，持续演进的房地产危机和中国监管制度带来的不确定性也削弱了投资者对中国股市的信心。另一方面，印度、韩国和台湾取得最大涨幅。印度的地方选举结果对总理莫迪有利。至于台湾和韩国，随着投资者对人工智能的热情持续升温，科技股和芯片制造商上涨。

##### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Kebanyakan pasaran mengakhiri bulan Disember dengan pulangan positif kecuali China, yang mencatatkan kerugian buat tahun ketiga berturut-turut. Penamat tahun 2023 yang positif disokong oleh kemampuan ekonomi US dan kadar inflasi yang lebih perlahan. FOMC Disember juga menyaksikan Fed meletakkan asas pivot pada 2024, dan ahlinya juga mengundi sebulat suara mengekalkan kadar faedah pada mesyuarat Disember, tiada perubahan kaedah sejak tiga mesyuarat berturut-turut. Konsensus kini meramalkan pemotongan kadar faedah akan berlaku seawal 24 Mac. Pasaran yang mengatasi prestasi MoM pada Disember ialah Australia (kekukuhan harga bijih besi melonjakkan Bahan dan AUD), India (keputusan pilihan raya negeri yang menggalakkan) dan Singapura (diterajui oleh REIT, Perjudian dan Telco).

China terus memberikan prestasi hambar berikutan kebimbangan yang berterusan terhadap risiko hartanah dan kekurangan rangsangan utama untuk menjana ekonomi keseluruhan. Pada bulan ini, prestasi syarikat permainan menjunam berikutan kejutan draf undang-undang ke atasnya yang menakutkan pelabur terhadap tindakan keras kawal selia yang berterusan ke atas sektor itu sekali lagi. Indeks DXY susut 2.1% lagi pada Disember berikutan jangkaan pemotongan kadar di US dan harga minyak turut merosot 7% berikutan permintaan global yang lemah, pertumbuhan syal yang teguh dan OPEC yang pasif walaupun terdapat ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Aliran asing yang dijejaki oleh Bloomberg menunjukkan India mendahului aliran masuk dengan USD6.7 bilion, diikuti oleh Taiwan (USD5.4 bilion) dan Korea (USD3.6 bilion).

##### JP Morgan Asia Growth Fund

Ekuiti Asia mengakhiri Disember dalam wilayah positif. Pada bulan ini, kejutan daripada Fed membawa kepada senario yang mana pemotongan kadar faedah dijangka akan berlaku lebih awal. Hasil perbendaharaan US 10 tahun ditutup lebih rendah manakala dolar US menyusut nilai. Semua pasaran memberikan pulangan positif selain China, yang mana harga saham jatuh disebabkan kebimbangan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah. Krisis hartanah yang berterusan dan ketaktentuan tentang rejim kawal selia China turut melemahkan sentimen terhadap saham China. Sebaliknya, India, Korea dan Taiwan menokok paling banyak. India mendapati keputusan pilihan raya negeri yang memihak kepada PM Modi. Di Taiwan dan Korea Selatan, saham teknologi dan pembuat cip meningkat apabila

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated  
除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据  
Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

keghairahan pelabur terhadap kecerdasan buatan terus membuak-buak.

## Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

Asian USD credits extended gains for the second consecutive month as the JP Morgan Asia Credit Index rose 2.60%. Investors maintained composure in the face of uneasy geopolitics, a dovish Federal Reserve and lower Treasury yields. Year-to-date, the Index registered a return of 7.02%.

In December, US policymakers kept the target range for the Federal Funds Rate unchanged at 5.25%-5.50%. The Summary of Economic Projections indicated softer inflation in 2024, with most Fed officials expecting the median PCE inflation to decline from 2.8% to 2.4% by the end of 2023. Fed members forecasted weaker economic growth while the unemployment rate is expected to rise from 3.8% to 4.1%.

US Treasury yields (UST) have been in a general decline after the 10-year topped 5% in October 2023. Over the month, further expectations of interest rate cuts in 2024 led to a rally in the US government bond market. The Treasury yield curve flattened with yields on the 2-year, 5-year and 10-year notes falling by 43 bps, 42 bps and 45 bps to 4.25%, 3.85% and 3.88% respectively.

Data out of China continued to paint a slowing economy. November M1 money supply grew at the slowest monthly pace in nearly two years. Imports contracted 0.6% YoY in November on the back of weak domestic demand. Additionally, the National Bureau of Statistics revealed that new home sales declined 7.3% in the January-November period. On monetary policy, the People's Bank of China left the one-year loan prime rate and the five-year loan prime rate unchanged at 3.45% and 4.20% respectively.

Index performance was driven mostly by higher Treasury returns in December. Investment grade credits outperformed high yield during the month. Within the investment grade sector, performance was led by investment grade sovereigns such as Philippine and Indonesian government bonds. Within the corporate bond segment, TMT and Oil & Gas delivered the highest monthly returns; Financials and real estate on the other hand, recorded the lowest returns.

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

亚洲美元信贷连续第二个月扩大涨势，摩根大通亚洲信贷指数上涨 2.60%。投资者持续沉着应对地缘政治动荡、美联储立场鸽派和国债收益率下跌的情况。年度至今，该指数交出 7.02% 回报。

12 月份，美国政策制定者维持联邦基金利率目标区间在 5.25%-5.50% 不变。经济预测摘要显示 2024 年通胀将放缓，大多数美联储官员预计个人消费支出 (PCE) 通胀中值将在 2023 年底前从 2.8% 降至 2.4%。美联储成员预计经济增长将放缓，失业率料从 3.8% 走高至 4.1%。

美国国债 (UST) 收益率继 10 年期收益率于 2023 年 10 月触及 5.0% 后普遍下跌。检讨月份下，美国政府债券市场在 2024 年进一步降息的预期升温下走高。美国国债收益率曲线牛市趋平，2 年期、5 年期和 10 年期国债收益率分别下跌 43 个基点、42 个基点和 45 个基点，至 4.25%、3.85% 和 3.88%。

中国的数据继续显示经济放缓。11 月 M1 货币供应的扩张速度为近两年来最慢。由于国内需求疲弱，11 月份进口按年收缩 0.6%。此外，国家统计局数据显示，1 到 11 月新房销售下降 7.3%。货币政策方面，中国人民银行维持一年期和五年期贷款市场报价利率分别在 3.45% 和 4.20% 不变。

指数表现主要受到 12 月份国债回报率上升的推动。检讨月份下，投资级信贷的表现优于高收益信贷。在投资级领域，菲律宾和印尼政府债券等投资级主权债券领涨。至于企业债券，科技、媒体和电信 (TMT) 以及石油与天然气公司录得最高的月度回报；另一方面，金融和房地产的回报最为逊色。

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

Kredit Asia USD melanjutkan keuntungan pada bulan kedua berturut-turut apabila Indeks JP Morgan Asia Credit meningkat 2.60%. Pelabur masih tenteram meskipun menghadapi kemelut geopolitik, Rizab Persekutuan yang lembut dan hasil Perbendaharaan yang lebih rendah. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Indeks mencatatkan pulangan 7.02%.

Pada Disember, penggubal dasar US mengekalkan julat sasaran Kadar Dana Persekutuan pada 5.25%-5.50%. Ringkasan Unjuran Ekonomi menunjukkan inflasi yang lebih perlahan pada 2024, dengan kebanyakan pegawai Fed menjangkakan inflasi PCE median akan turun daripada 2.8% kepada 2.4% menjelang akhir tahun 2023. Ahli Fed meramalkan pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah manakala kadar pengangguran dijangka meningkat daripada 3.8% kepada 4.1%.

Hasil Perbendaharaan US (UST) rata-ratanya mengalami kemerosotan selepas UST 10 tahun menokok 5.0% pada Oktober 2023. Sepanjang bulan tinjauan, jangkaan pemotongan kadar faedah selanjutnya pada 2024 mendorong kepada peningkatan dalam pasaran bon kerajaan US. Keluk hasil Perbendaharaan mendatar dengan hasil nota 2 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing jatuh sebanyak 43 bps, 42 bps dan 45 bps kepada 4.25%, 3.85% dan 3.88%.

Keluaran Data dari China terus menunjukkan ekonomi yang memperlakan. Bekalan wang M1 November berkembang pada kadar bulanan paling perlahan dalam hampir dua tahun. Import menguncup 0.6% YoY pada November berikutan permintaan domestik yang lemah. Selain itu, Biro Perangkaan Kebangsaan mendedahkan bahawa jualan rumah baharu merosot 7.3% dalam tempoh Januari-November. Mengenai dasar monetari, People's Bank of China mengekalkan kadar utama pinjaman setahun dan kadar utama pinjaman lima tahun masing-masing pada 3.45% dan 4.20%.

Sebahagian besar prestasi indeks dipacu dorong oleh pulangan Perbendaharaan yang lebih tinggi pada Disember. Kredit gred pelaburan mengatasi kredit wajaran tinggi pada bulan tersebut. Dalam sektor gred pelaburan, prestasi diterajui oleh bon kerajaan gred pelaburan seperti bon kerajaan Filipina dan Indonesia. Dalam segmen bon korporat, TMT dan Minyak & Gas menyampaikan pulangan bulanan tertinggi; Kewangan dan hartanah pula mencatatkan pulangan paling rendah.

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

## Equity / 股票市场 / Ekuiti

### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Equities are currently pricing in a "soft US landing" scenario with moderating inflation. This will allow the Fed to potentially begin rate cuts as early as March 2024. Hence, market volatility will persist, as any potential disappointment in data surrounding US inflation, economic growth and policies could hurt sentiment. Taiwan's Presidential elections will be held on 13 Jan 2024 and investors will be closely following the outcome given the current ongoing geopolitical tensions between the US and China.

### JP Morgan Asia Growth Fund

Headline inflation has fallen across the world as supply chain constraints, high shipping and energy costs, and commodity scarcity seem mostly resolved, though base effects will slow further progress.

While China's regulation and policy formulation can be heavy handed, the policy pendulum looks to have swung more pro-growth and business since late 2022. That said, large fiscal stimulus has not been forthcoming as the authorities are more focused on sustainable growth and removing tail risks from the real-estate sector. Chinese valuations, while looking to be capped by geopolitics even though there are tentative signs of a modest improvement in Sino-US relations, are close to record lows and there is likely upside once earnings begin to surprise positively.

In contrast to China, prospects in other regions look to be more encouraging. In India and Indonesia, while valuations look stretched near term, the two countries supported by policy actions over the last several years look to be enjoying an investment led expansion. Finally, tech heavy North Asia looks increasingly well positioned as the sector is poised for the next decade's big trends: structural demand for AI, cloud adoption and EVs all set to drive growth.

While markets have been more volatile, there are reasons to be more optimistic about Asia Pacific equities: falling global inflation provides central banks room to cut aggressively, the US dollar is down substantially and China's economy is growing, even if the recovery has been delayed and will take longer to unfold than had originally been envisaged. Valuations remain around long-term average.

### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

股市走势目前正反映了通胀趋缓和“美国软着陆”的情景。这将使美联储最早可能在2024年3月开始降息。环绕美国通胀、经济增长和政策的数据可能令人失望将打击投资情绪，进而导致市场持续波动。台湾总统选举将于2024年1月13日举行，鉴于当前中美之间的地缘政治紧张局势持续存在，投资者将密切关注选举结果。

### JP Morgan Asia Growth Fund

尽管基础效应将拖慢进展，全球总体通胀率已经降温，因为供应链限制、运输和能源成本高昂以及大宗商品稀缺等问题看来已获得解决。

尽管中国的监管和政策制定可能很严厉，政策走向自2022年底以来似乎更倾向于支持增长和商业。无论如何，大规模的财政刺激措施尚未出台，因为当局更关注可持续增长和消除房地产行业的尾端风险。虽然初步迹象表明中美关系略有改善，仍然受地缘政治限制的中国估值已接近历史低位；一旦盈利开始稍来意外惊喜，中国的估值可能会有上行空间。

与中国相比，其他地区的前景似乎更令人鼓舞。印度和印尼的估值短期内看来过高之际，在过去几年的政策支持下，这两个国家正经历由投资主导的扩张。最后，技术密集型的北亚地区在准备迎接未来十年的重大趋势上越来越游刃有余；人工智能、云采用和电动汽车的结构性需求皆有望推动增长。

市场波动加剧之际，我们有理由对亚太股市持更加乐观的看法：尽管中国的复苏延迟，且需要比最初预期的时间更长；全球通胀降温为各国央行提供了积极的降息空间、美元大幅走低以及中国经济正在增长。估值仍保持在约为长期平均水平。

### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

Ekuiti kini menetaphargakan senario "pendaratan US lembut" dengan inflasi yang menyederhana. Ia akan membolehkan Fed berpotensi memulakan pemotongan kadar faedah seawal Mac 2024. Oleh itu, ketaktentuan pasaran akan berterusan, kerana apa-apa potensi yang mengecewakan ke atas data seputar inflasi US, pertumbuhan ekonomi dan dasar boleh menjejaskan sentimen. Pilihan raya Presiden Taiwan akan diadakan pada 13 Januari 2024 dan pelabur akan memberi sepenuh perhatian kepada keputusannya ekoran ketegangan geopolitik antara US dan China.

### JP Morgan Asia Growth Fund

Inflasi keseluruhan di seluruh dunia jatuh berikutan kekangan rantaian bekalan, kos penghantaran dan tenaga yang tinggi, serta sebahagian besar kekurangan komoditi nampaknya dapat diatasi, meskipun kesan asas akan memperlambatkan kemajuan selanjutnya. Sungguhpun peraturan dan penggabalan dasar China boleh menjadi berat, namun haluan dasar kelihatan pro-pertumbuhan dan perniagaan sejak akhir 2022. Oleh yang demikian, rangsangan fiskal yang besar belum lagi terlaksana kerana pihak berkuasa lebih tertumpu pada pertumbuhan mampan dan menghapuskan saki-baki risiko sektor hartanah. Penilaian China, sementara dihadkan oleh geopolitik, walaupun terdapat tanda-tanda tentatif pembaikan yang sederhana dalam hubungan China-US, hampir ke paras terendah dan berkemungkinan akan meningkat apabila pendapatan mula memberikan kejutan yang positif.

Berbeza dengan China, prospek di kawasan lain kelihatan lebih menggalakkan. Di India dan Indonesia, sementara penilaian kelihatan meregang menurut jangka pendek, kedua-dua negara tersebut yang disokong oleh tindakan dasar sejak beberapa tahun kebelakangan ini kelihatan menikmati pengembangan yang diterajui pelaburan. Akhir sekali, Asia Utara yang sarat teknologi kelihatan semakin berada pada kedudukan yang baik kerana sektor ini bersedia terhadap arah aliran besar dekad yang akan datang: struktur permintaan terhadap AI, penggunaan awan dan EV semuanya bersedia untuk memacu pertumbuhan.

Walaupun pasaran lebih tidak menentu, namun terdapat sebab untuk lebih optimistik tentang ekuiti Asia Pasifik: inflasi global yang jatuh menyediakan ruang bank pusat untuk mengurangkan kadar faedah secara agresif, penurunan ketara dolar US dan pengembangan ekonomi China, meskipun pemulihan tertangguh dan



All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

singkapannya akan mengambil masa yang lebih lama daripada jangkaan asal. Penilaian kekal sekitar purata jangka panjang.

## Fixed Income / 固定收益市场 / Pendapatan Tetap

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

Financial markets ended 2023 with a fourth quarter rally and the prospect of easier Fed policy is creating talk of a soft landing rather than a hard recession in 2024. The global economy stayed resilient in the face of aggressive rate hikes and increased tension in the Middle East. Looking ahead, global output is projected to weaken as the lagged cumulative effects of high interest rates kick in. Economic growth will decelerate to varying degrees across different economies. In Asia, the outlook remains upbeat on strong domestic demand. Developing Asian countries should continue to see growth on the back of stable consumption and investment trends.

The US Treasury market may witness near term support as more investors gain confidence that the Federal Reserve has concluded its rate hiking cycle. The Asian investment grade market has seen an improvement in risk appetite and a pick-up in new issuances. There is a good chance that the new issue pipeline will remain healthy so as long as we have a period of rate stability and if data from the US continues to support the expectation that inflation is easing.

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

金融市场在第四季度的涨潮下结束了 2023 年的交易，同时美联储宽松政策的前景引发了有关2024 年经济实现软着陆而非硬着陆的议题。在激进加息和中东紧张局势升级双面夹攻下，全球经济保持弹性。展望未来，随着高利率滞后累积效应显现，全球产出预计将减弱。各个经济体的增长放缓程度将有所差异。受强劲的国内需求支撑，亚洲的展望仍然乐观。发展中亚洲国家料得以保持增长，因为消费和投资趋势稳定。

随着越来越多投资者对美联储结束升息周期的信心增强，美国国债市场或在短期内得到支撑。亚洲投资级市场的风险偏好有所改善，激励新发行量回升。只要利率在一段时期内保持稳定，加上美国数据继续支持通胀正放缓的预期，新发行的进程很大机会得以保持健康。

### Eastspring Investments Asian Bond Fund

Pasaran kewangan mengakhiri 2023 dengan peningkatan suku keempat. Prospek dasar Fed yang lebih longgar menimbulkan desas desus mengenai pendaratan lembut dan bukannya kemelesetan yang teruk pada 2024. Ekonomi global kekal berdaya tahan menghadapi kenaikan kadar faedah yang agresif dan ketegangan di Timur Tengah yang meruncing. Meninjau tahun mendatang, keluaran global diunjurkan lebih lemah apabila kesan lat kumulatif kadar faedah tinggi mula menampakkan kesan. Pertumbuhan ekonomi akan turun menurut tahap yang berlainan merentas ekonomi yang berbeza. Di Asia, prospek masih optimistik berikutan permintaan domestik yang kukuh. Negara-negara Asia Membangun akan terus mencatat pertumbuhan, disokong oleh trend penggunaan dan pelaburan yang stabil.

Pasaran Perbendaharaan US mungkin mendapat sokongan jangka pendek apabila lebih ramai pelabur yakin bahawa Rizab Persekutuan telah menamatkan kitaran kenaikan kadar faedahnya. Pasaran gred pelaburan Asia menyaksikan pertambahan selera risiko dan peningkatan terbitan baharu. Tersedia peluang bahawa nadi terbitan baharu akan terus sihat selagi kita mempunyai tempoh kestabilan kadar dan jika data daripada US terus menyokong jangkaan bahawa inflasi semakin berkurangan.

## Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned 1.35% for the month, underperforming the benchmark return of 1.82% by 0.47%. Year-to-date, the Fund returned 4.33%, underperforming the benchmark return of 11.09% by 6.76%.

The Fund underperformed for the month mainly due to underlying equity funds.

As of end-December 2023, the Fund has 26.7% exposure in bonds and 72.4% in equities (versus Neutral position of 30:70 bond:equity). Though Asian valuations remain cheap relative to other regional markets, we remain cognisant of the impact of the US Federal Reserve's interest rate policy, along with tensions around US-China relations, labour shortages and commodity and goods inflation, which are contributing drivers of global volatility. Risk assets have further room to grow in the short-term given a still robust US economy and increasing market expectations of a soft landing. However, recession risk is higher over the next 6-12 months, especially on the back of tighter financial conditions. This mixed picture suggests choppy in the near-term. In light of this, the Fund is expected to hold close to its neutral position and be nimble according with the changing market environment.

### Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

The Fund registered a positive return of 2.37% for the month, outperformed the target rate of return of +0.61% (8% pa compounded) by 1.76%. The outperformance in December was boosted by exposure in Australia, Singapore and Korea markets.

The Fund is anchored by high dividend-yielding stocks to provide steady recurring income and quality growth securities with positive momentum that have the potential to generate returns above the target rate.

We are gradually increasing the fund exposure to dividend-yielding and value stocks within the Asean region. We will look to selectively increase our exposure to the India market given the structural growth prospects. We will continue to deploy the cash during market weakness.

### JP Morgan Asia Growth Fund

The Fund underperformed the benchmark during the month. From a country perspective, negative stock selection in Hong Kong, China and India was a key detractor to returns, although this was partially mitigated by positive stock selection in Korea and Indonesia. On the sector front, negative stock selection in Communication Services and Healthcare detracted most from performance, although this was partially mitigated by positive stock selection in financials.

In terms of key contributors, tech hardware names such as Samsung Electronics, Advantech and SK Hynix advanced on good earnings momentum. Further contribution came from Indonesian banks including Bank Rakyat and Bank Central Asia on rate cycle peaked. Indian banks including HDFC Bank and Kotak Mahindra Bank rallied following a strong showing by the Bharatiya Janata Party (BJP) in key state elections, triggering large scale foreign buying in Indian equities.

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated  
除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据  
Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

## Eastspring Investments Asian Bond Fund

In December, the overweight in real estate corporates contributed to the Fund's outperformance in December. Other positive contributors included the Fund's overweight in Indian utilities, as well as positive credit selections in Indonesian sovereign bonds.

Against this backdrop, we continue to be selective on credits, focusing on our bottom-up security selection process and preferring issuers with good earnings visibility, positive rating trajectories, improvement in asset coverage or de-leveraging potential.

检讨月份下，此基金交出1.35%回酬，较回酬为1.82%的基准逊色0.47%。年度至今，基金的回酬是4.33%，跑输回酬为11.09%的基准6.76%。

基金月内表现逊色，主要是因为所投资的股票基金走势落后。

截至2023年12月底，此基金在债券的投资比重为26.7%，股票的是72.4%（相对于30:70债券：股票的中和部署）。尽管亚洲股票的估值比其他区域市场廉宜，我们依然关注美联储利率政策的影响，以及美中紧张关系、劳动力短缺和商品与物品通胀等导致全球波动的因素带来的冲击。鉴于美国经济仍然强劲以及市场对软着陆的预期增强，风险资产短期内还有进一步增长的空间。然而，在金融条件趋紧下，未来6到12个月的衰退风险升温。这种好坏参半的情况表明市场短期内将走势波动。有鉴于此，基金预计将维持接近中和的立场，并随着市场环境的变化进行灵活的部署。

## Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

基金月内录得2.37%的正面回酬，跑赢取得+0.61%的目标回报率（年复利8%）1.76%。12月份表现出色主要归功于在澳洲、新加坡和韩国市场的投资。

基金瞄准可提供稳定经常性收益的高息股，以及有潜能产生高于目标利率回报且具有积极势头的优质增长证券。

我们逐步增加基金对东盟地区高息股和价值股的投资。考虑到印度的结构性增长前景，我们放眼选择性增持印度市场。此外，我们还将继续趁市场疲软时善用现金。

## JP Morgan Asia Growth Fund

检讨月份下，此基金表现较基准落后。从国家角度来看，尽管在韩国和印尼的积极选股抵消了部分不利影响，在香港、中国和印度的负面选股是拖累回报的主要因素。至于领域，尽管金融业的积极选股缓解了部分冲击，通信服务和医疗保健领域的负面选股是最大的拖累部署。

就主要贡献成员而言，三星电子（Samsung Electronics）、研华（Advantech）和SK海力士（SK Hynix）等科技硬件公司因盈利势头强劲而走高。由于利率周期见顶，包括人民银行（Bank Rakyat）和中亚银行（Bank Central Asia）在内的印尼银行为基金表现作出了进一步的贡献。印度人民党（BJP）在关键州选举中表现强劲，引发外资大规模买入印度股票；HDFC银行和Kotak Mahindra银行等印度银行纷纷上涨。

## Eastspring Investments Asian Bond Fund

12月份，此基金增持房地产企业的部署为月内的优异表现作出贡献。其他积极的贡献因素包括对印度公用事业的增持，以及在印尼主权债券的正面信贷选择。

在此背景下，我们继续选择性投资信贷，专注于自下而上的证券选择流程，同时偏好收益可见度良好、信用评级轨迹积极、资产覆盖改善或拥有去杠杆潜力的发行方。

*Dana menyampaikan pulangan 1.35% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 1.82% dengan perbezaan 0.47%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memperoleh pulangan 4.33%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 11.09% dengan perbezaan 6.76%.*

*Prestasi Dana yang rendah pada bulan ini disebabkan terutamanya oleh pendasar dana ekuiti.*

*Setakat akhir Disember 2023, Dana mempunyai 26.7% pendedahan dalam bon dan 72.4% dalam ekuiti (berbanding kedudukan Neutral 30:70 bon:ekuiti). Walaupun penilaian Asia kekal murah berbanding pasaran serantau yang lain, kami tetap menyedari kesan dasar kadar faedah Rizab Persekutuan US, berserta ketegangan sekitar hubungan US-China, kekurangan buruh dan inflasi komoditi dan barangan, yang menyumbang kepada pamacu ketaktentuan global. Aset berisiko masih mempunyai ruang untuk berkembang dalam jangka pendek memandangkan ekonomi US yang masih teguh dan jangkaan pasaran yang semakin meningkat mengenai pendaratan lembut. Namun begitu, risiko kemelesetan adalah lebih tinggi dalam tempoh 6-12 bulan akan datang, terutamanya berikutan keadaan kewangan yang lebih ketat. Gambaran bercampur-campur ini mencadangkan ketakstabilan dalam jangka masa terdekat. Sehubungan itu, Dana dijangka akan kekal hampir pada kedudukan neutralnya dan lincah mengikuti persekitaran pasaran yang berubah-ubah.*

## Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund

*Dana mencatatkan pulangan positif 2.37% pada bulan ini, mengatasi kadar sasaran pulangan +0.61% (8% setahun terkompoun) dengan perbezaan 1.76%. Prestasi kemas pada Disember dirangsang oleh pendedahan di pasaran Australia, Singapura dan Korea.*

*Dana disokong oleh saham yang menghasilkan dividen tinggi untuk menyediakan pendapatan berulang yang stabil di samping sekuriti pertumbuhan berkualiti dengan momentum positif yang berpotensi menjana pulangan melebihi kadar sasaran.*

All data is as of 31 December 2023 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2023年12月31日的数据

Semua data seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Kami secara beransur-ansur akan meningkatkan pendedahan Dana kepada saham yang menghasilkan dividen dan nilai dalam rantau Asean. Kami akan menimbang secara terpilih untuk meningkatkan pendedahan kami kepada pasaran India memandangkan prospek struktur pertumbuhannya. Kami akan terus menggunakan wang tunai semasa pasaran dihurung kelemahan.

## JP Morgan Asia Growth Fund

Dana tidak mengatasi prestasi penanda aras pada bulan tersebut. Dari perspektif negara, pemilihan saham yang negatif di Hong Kong, China dan India merupakan penghalang utama kepada pulangan, walaupun sebahagiannya ditimbal balik oleh pemilihan saham yang positif di Korea dan Indonesia. Dari segi sektor, pemilihan saham yang negatif dalam Perkhidmatan Komunikasi dan Penjagaan Kesihatan menjejaskan sebahagian besar prestasi, meskipun sebahagiannya dikurangkan oleh pemilihan saham yang positif dalam kewangan.

Dari segi penyumbang utama, saham perkakasan teknologi seperti Samsung Electronics, Advantech dan SK Hynix maju dengan momentum pendapatan yang baik. Sumbangan selanjutnya datang daripada bank-bank Indonesia termasuk Bank Rakyat dan Bank Central Asia berikutan kitaran kadar faedah yang memuncak. Bank-bank India termasuk HDFC Bank dan Kotak Mahindra Bank meningkat ekoran persembahan mantap Parti Bharatiya Janata (BJP) dalam pilihan raya negeri utama, lalu mencetuskan pembelian asing berskala besar dalam ekuiti India.

## Eastspring Investments Asian Bond Fund

Pada Disember, pegangan berlebihan dalam korporat harta tanah menyumbang kepada prestasi baik Dana. Penyumbang positif lain termasuk pegangan berlebihan Dana dalam utiliti India, serta pemilihan kredit dalam bon kerajaan Indonesia yang positif.

Bersandarkan latar belakang ini, kami terus memilih-milih kredit, menumpukan perhatian kami pada proses pemilihan sekuriti dari bawah ke atas di samping mengutamakan penerbit dengan keterlihatan pendapatan yang baik, trajektori penarafan positif, peningkatan liputan aset atau potensi pengurangan.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, December 2023, Eastspring Investments Berhad

## Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

PAMB:

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at [www.eastspring.com.sg](http://www.eastspring.com.sg).

MSCI: The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. ([www.msci.com](http://www.msci.com))

PAMB: 任何投资皆涉及投资风险,包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回报并不反映您投资的真实回报(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回报将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回报可能会低于上述回报。本册子只供说明之用。欲进一步了解条款与细则,请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子,如果本说明书的资料与保单文件有所出入,将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书,请浏览 [www.eastspring.com.sg](http://www.eastspring.com.sg)。

资料来源: MSCI。MSCI信息仅供您本身及组织内部之用,因此不能以任何形式将之复制或传播,而且也不可作为任何金融工具或产品或指数的基础或组件。MSCI信息不可作为投资的建议,或作出(或不作)任何种类的投资决定的建议,并且也不可视为投资的依据。过往的数据和分析不可作为未来表现分析、预测或预报的指标或保证。MSCI信息乃是“按原样”提供,而使用者必须对使用信息的一切后果负全责。编制、估算或创建一切MSCI信息的MSCI和其关联机构以及参与这些事项或与之有关的一切人士(统称为“MSCI各方”),特此表明不对有关信息作出任何保证(包括但不限于对某特殊目的的原创性、准确性、完整性、适时性、不侵权性、商业性及适用性的担保)。除上述内容外,MSCI各方在任何情况下均不会对直接、间接、特殊、偶然、惩罚性、后续的损失(包括但不限于利润的损失)或其他损失承担责任。( [www.msci.com](http://www.msci.com) )

PAMB: Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di [www.eastspring.com.sg](http://www.eastspring.com.sg).

MSCI: Maklumat MSCI hanya boleh digunakan untuk kegunaan dalaman organisasi anda, tidak boleh direproduksi atau disebarluaskan dalam sebarang bentuk dan tidak boleh digunakan sebagai asas untuk komponen bagi sebarang instrumen atau produk atau indeks kewangan. Tiada maklumat MSCI dimaksudkan untuk membentuk nasihat pelaburan atau cadangan untuk membuat (atau mengelakkan daripada membuat) apa-apa keputusan pelaburan dan tidak boleh disandarkan ke atasnya. Data dan analisa yang telah lalu tidak boleh di ambil sebagai petunjuk atau jaminan untuk sebarang analisa prestasi masa depan, ramalan atau telahan. Maklumat MSCI disediakan berdasarkan "sebagaimana adanya" dan pengguna maklumat tersebut mengambil alih keseluruhan risiko penggunaan maklumat yang berkenaan. MSCI, setiap ahli gabungannya dan setiap individu yang terlibat dalam atau berkaitan dengan menyusun, mengira atau membuat apa-apa maklumat MSCI (secara kolektif, "Pihak MSCI") dengan jelas menafikan semua waranti (termasuk, tidak terhad, sebarang waranti keaslian, ketepatan, kesempurnaan, ketepatan masa, tidak menyalahi, kebolehdagangan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu) berkaitan dengan maklumat ini. Tanpa mengahadkan apa-apa yang disebutkan di atas, tiada satu keadaan pun Pihak MSCI patut menanggung sebarang liabiliti sama ada kerugian, langsung, tidak langsung, sampingan, hukuman, akibat (termasuk, dan tidak terhad ke atas kehilangan keuntungan) atau apa-apa ganti rugi lain. ([www.msci.com](http://www.msci.com))